Ng Beng Hian lwn Lee Aik Kheow dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — GUAMAN SIVIL NO 22–33 TAHUN 2004
MOHD AZMAN H
21 FEBRUARY 2008

Prosedur Sivil — Pliding — Pembatalan writ dan penyataan tuntutan — Sama ada plaintif mempunyai kausa tindakan — Sama ada perlu afidavit sokongan — Sama ada alasan-alasan dalam saman dalam kamar adalah mencukupi

Tort — Fitnah — Surat bersifat libel — Surat dikeluarkan atas nama kelab — Sama ada tindakan boleh diambil terhadap ahli-ahli kelab — Sama ada kelab yang tidak diperbadankan boleh didakwa atau mendakwa — Sama ada ahli-ahli kelab boleh dikaitkan dengan surat yang ditulis dan disebar oleh kelab

Plaintif dan defendan-defendan merupakan ahli-ahli kepada sebuah kelab yang bernama The New Club. The New Club tidak diperbadankan dan ia hanya didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan. Berdasarkan sepucuk surat yang kononnya bersifat fitnah terhadap plaintif, plaintif telah memulakan tindakan fitnah ini terhadap defendan-defendan atas kedudukan peribadi mereka. Surat fitnah tersebut adalah jelas ditulis dan disebarkan atas nama The New Club. Defendan-defendan telah memfailkan permohonan di bawah A 18 k 19(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') (lampiran 18) untuk membatalkan writ dan pernyataan tuntutan plaintif atas alasan ia tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah terhadap defendan-defendan. Penolong kanan pendaftar membenarkan permohonan defendan-defendan dan maka rayuan ini oleh plaintif.

Diputuskan, menolak rayuan plaintif dengan kos:

(1) The New Club bukan sebuah kelab yang diperbadankan. Ia hanya didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan. Oleh itu ia tidak boleh mendakwa atau didakwa khususnya untuk kes fitnah seperti yang diputus oleh kes Mahkamah Rayuan Singapura *Chen Cheng & Anor v Central Christian Church* [1996] 1 SLR 313 (lihat perenggan 9(1)).

(2) Plaintif tidak dapat mengaitkan kandungan surat The New Club bertarikh 13 Ogos 2004 dengan kedudukan peribadi defendan-defendan. Surat tersebut adalah untuk edaran dalaman

sahaja. Oleh itu plaintif tiada kausa tindakan terhadap defendan-defendan (lihat perenggan 9(3)).

(3) Permohonan saman dalam kamar defendan-defendan (lampiran 18) mempunyai alasan-alasan permohonan mereka walaupun tiada afidavit sokongan dikemukakan. Dengan adanya alasan-alasan itu, lampiran 18 adalah sah. Jika ia cacat sekalipun, ia boleh dibaiki oleh A 1A KMT (lihat perenggan 9(4)).

[English summary

The plaintiff and the defendants were members of a club called The New Club. The New Club was not incorporated and it was only registered as an organisation. According to a letter alleged to be defamatory to the plaintiff, the plaintiff had commenced this defamation action against the defendants based on their personal capacity. The defamatory letter was clearly written and disseminated in the name of The New Club. The defendants had filed an application under O 18 r 19(1)(a) of the Rules of the High Court 1980 ('RHC') (encl 18) to strike out the plaintiff's writ and statement of claim on the grounds that it did not disclose a reasonable cause of action against the defendants. The senior assistant registrar allowed the defendant's application and hence this appeal by the plaintiff.

Held, dismissing the plaintiff's appeal with costs:

(1) The New Club was not an incorporated club. It was only registered as an organisation. Therefore it could not sue or be sued especially for defamation cases as decided in the Singaporean case of *Chen Cheng & Anor v Central Christian Church* [1996] 1 SLR 313 (see para 9(1)).

(2) The plaintiff could not relate the contents of The New Club's letter dated 13 August 2004 with the personal capacity of the defendants. The said letter was only for internal circulation. Therefore the plaintiff did not have any cause of action against the defendants (see para 9(3)).

(3) The defendants' summons in chambers application (encl 18) had grounds of their application even though there was no supporting affidavit produced. Based on these grounds, encl 18 was valid. Even if it was defective, it could be cured by O 1A of the RHC (see para 9(4)).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai surat bersifat libel, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 538–540.

Untuk kes mengenai pembatalan writ dan penyataan tuntutan, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 5560.

Kes-kes yang dirujuk

Asia Commercial Finance (M) Bhd v Leong Choong Shim [1997] 5 MLJ 17 (dirujuk)

Chen Cheng & Anor v Central Christian Church and another appeal [1996] 1 SLR 313 (diikut)

Gabriel Peter & Partners (suing as a firm) v Wee Chong Jin [1998] 1 SLR 374 (dirujuk)

Shanghai Hall Ltd v Chong Mun Foo & Ors [1967] 1 MLJ 254 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pertubuhan 1966 s 9(c)
Akta Pertubuhan (Cap 311) [Sing] s 35(b)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 1A, A 19 k 19(1)(a), A 92 k 4

N Subramaniyan (Subramaniyan) bagi pihak perayu/plaintif.
SK Cheong (SK Cheong & Associates) bagi pihak responden/defendan.

Mohd Azman H:

[1] Dalam kes ini defendan-defendan memfailkan saman dalam kamar lampiran 18 di bawah A 19 k 19(1)(a) dan A 92 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bahawa writ dan pernyataan tuntutan plaintif bertarikh 23 Oktober 2004 dibatalkan kerana tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah terhadap defendan-defendan dan:

(a) mana-mana perintah lain atau selanjutnya yang mahkamah anggap adil dan perlu; dan

(b) kos bagi permohonan ini ditaksir dengan segera atas dasar peguam dan anak guam.

[2] Alasan-alasan permohonan ialah:

(a) surat bertarikh 13 Ogos 2004 yang dikononnya bersifat fitnah ('surat tersebut') yang dinyatakan dalam kandungan 3, perenggan 21 jelas ditulis dan disebarkan atas nama The New Club;

(b) namun defendan-defendan dituntut dalam kedudukan peribadi masing-masing;

(c) secara alternatif, defendan-defendan masing-masing dituntut dalam kedudukan peribadi walaupun mereka hanya dikaitkan dengan surat tersebut dalam kedudukan sebagai penjawat The New Club;

(d) walaupun defendan-defendan dikaitkan dalam kedudukan sebagai penjawat The New Club, kandungan 2 dan kandungan 3 tidak

A mengandungi sebarang penindorsan bahawa defendan-defendan dituntut sebagai wakil The New Club dan/atau jawatankuasa yang berkenaan;

(e) The New Club tidak dinamakan sebagai defendan; dan antara lain,

B (f) walaupun The New Club dinamakan sebagai defendan, adalah undang-undang mantap bahawa suatu kesatuan yang tidak diperbadankan, tidak boleh dituntut oleh ahlinya.

[3] Peguam plaintif membantah lampiran 18. Pihak-pihak telah C memfailkan penghujahan bertulis.

[4] Pada 24 Jun 2005, Puan PKP Mahkamah Tinggi Taiping telah membenarkan lampiran 18 dengan kos.

D

[5] Tidak berpuashati dengan keputusan itu, plaintif memfailkan rayuan ini lampiran 37.

[6] Penghujahan peguam plaintif (lampiran 53):

E 1. Defendan tidak mematuhi A 18 k 19(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 kerana tiada afidavit sokongan difailkan untuk lampiran 18.

2. Defendan pertama mengakui menulis surat bertarikh 13 Ogos 2004 F menggunakan surat rasmi The New Club. Surat itu dikatakan memfitnahkan plaintif.

3. Keputusan kes-kes:

(i) *Asia Commercial Finance (M) Bhd v Leong Choong Shim* [1997] 5 G MLJ 17.

(ii) *Shanghai Hall Ltd v Chong Mun Foo & Ors* [1967] 1 MLJ 254.

(iii) *Gabriel Peter & Partners v Wee Chong Jin* [1998] 1 SLR 374 memihak kepada plaintif yang memutuskan defendan-defendan H adalah bertanggungan kepada 'libel' tersebut.

(iv) Permohonan defendan-defendan untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan melalui lampiran 18 adalah tak berasas.

I **[7]** Jawapan peguam defendan:

1. Plaintif sepatutnya mendakwa The New Club bersama-sama dengan defendan-defendan berdasarkan s 9 Akta Pertubuhan 1966;

2. The New Club adalah tidak diperbadankan. Ia didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan. Namun, plaintif sebagai seorang ahli Kelab The New Club yang tidak diperbadankan tidak boleh mendakwa The New Club dan ahli-ahlinya yang lain khususnya untuk kes fitnah; A

3. Tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan tidak mendedahkan kausa tindakan kerana plaintif gagal mengaitkan kandungan surat yang bertarikh 13 Ogos 2004 itu dengan defendan-defendan dalam kedudukan peribadi mereka masing-masing dalam The New Club; B

4. Keputusan kes Singapura *Chen Cheng & Anor v Central Christian Church* [1996] 1 SLR 313 memihak kepada defendan-defendan. C

[8] Isu-isu yang perlu diputuskan:

(1) Adakah The New Club sebuah pertubuhan yang diperbadankan?

(2) Adakah plaintif sebagai seorang ahli kelab The New Club boleh mendakwa defendan-defendan atas kapasiti sebagai ahli-ahli untuk kes fitnah? D

(3) Adakah plaintif ada kausa tindakan terhadap defendan-defendan?

(4) Adakah permohonan saman dalam kamar lampiran 18 disokong oleh afidavit sokongan cacat? E

[9] Pendapat mahkamah:

1. The New Club bukan sebuah kelab yang diperbadankan. Ia hanya didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan. Oleh itu ia tidak boleh mendakwa atau didakwa khususnya untuk kes fitnah seperti yang diputus oleh kes Mahkamah Rayuan Singapura *Chen Cheng & Anor v Central Christian Church and another appeal* [1996] 1 SLR 313. Mahkamah menerima pakai keputusan kes Mahkamah Rayuan Singapura itu kerana s 9(c) Akta Pertubuhan 1966 adalah in pari materia dengan s 35(b) Akta Pertubuhan (Cap 311) Singapura; F G

2. Plaintif sebagai ahli The New Club tidak boleh mendakwa defendan-defendan atas kapasiti peribadi mereka untuk kes fitnah; H

3. Plaintif tidak dapat mengaitkan kandungan surat The New Club bertarikh 13 Ogos 2004 dengan kedudukan peribadi defendan-defendan. Surat itu adalah untuk edaran dalaman sahaja. Oleh itu plaintif tiada kausa tindakan terhadap defendan-defendan;

4. Permohonan saman dalam kamar defendan-defendan lampiran 18 ada alasan-alasan permohonan mereka walau pun tiada afidavit sokongan dikemukakan. Dengan adanya alasan-alasan itu, mahkamah I

berpendapat lampiran 18 adalah sah. Jika ia cacat sekalipun, ia boleh dibaiki olah A 1A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[10] Berdasarkan alasan-alasan di perenggan 1 di atas, mahkamah berpendapat keputusan Puan PKP membenarkan lampiran 18 adalah sah. Oleh itu mahkamah menolak rayuan plaintif lampiran 37 dengan kos. Kos adalah atas dasar pegumacara dan anak guam.

Rayuan ditolak dengan kos.

Reported by Brendan Navin Siva